


► Tatabahasa

Bulatkan kata hubung yang sesuai untuk melengkapkan petikan di bawah ini. **SP 5.1.3**



Semangat patriotisme perasaan cinta akan negara yang tinggi dalam kalangan generasi muda amat penting. Semangat ini harus disemai dalam sanubari mereka kemerdekaan yang dicapai tidak akan disia-siakan.

Semangat patriotisme amat penting semangat ini akan melahirkan generasi yang sanggup berkorban untuk mempertahankan negara daripada anasir luar. Merekalah yang akan berada di barisan hadapan untuk berjuang sehingga titisan darah terakhir negara kita diancam oleh musuh.

Oleh itu, pelbagai usaha perlu dilakukan semangat cinta akan negara terus subur mekar dalam jiwa mereka. Semua pihak harus sedar semangat ini berupaya untuk memastikan Malaysia terus kekal sebagai sebuah negara yang selamat, berdaulat, dan makmur.

Nota Tatabahasa

Kata Hubung

- Kata hubung ialah perkataan yang menghubungkan dua binaan ayat atau lebih sehingga menjadi satu bentuk ayat yang berlapis, yang dikenali sebagai ayat majmuk.

Jenis Kata Hubung	Contoh Kata Hubung
Kata hubung gabungan	atau, dan, lalu, tetapi, seraya, sambil
Kata hubung pancangan keterangan	agar, kerana, supaya, jika, walaupun, apabila, untuk, hingga
Kata hubung pancangan relatif	yang
Kata hubung pancangan komplemen	bahawa, untuk, agar, supaya